

## Mahasiswa sertai UMP Colour Run

**SIHAT.** Lebih 1,200 mahasiswa dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai UMP Colour Run sempena Karnival Expokonvo 2015 yang diadakan baru-baru ini.

Program tersebut diarjurkan bersama oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Naib Canselor, Bahagian Keselamatan dan Pusat Kesihatan Pelajar bertujuan mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama antara mahasiswa dengan masyarakat sekitar.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Profesor Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus berkata, program tersebut merupakan amalan gaya hidup sihat yang dipupuk dalam kalangan mahasiswa untuk beriadah dan menyihatkan badan dengan bertemakan "Ceraskan Hidup Setempat."

Program tersebut juga adalah sebahagian daripada acara prapelancaran pembukaan Karnival Expokonvo 2015 yang diadakan sempena Majlis Konvokesyen ke-10 UMP yang bakal berlangsung tidak lama lagi.

**Kosmo ( Komuniti) 30/9/2015 m/s50**

